

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal EHWal Pengguna menggantikan Y.B. Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob dalam senarai anggota Kabinet yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri berikutan keputusan pilihan raya ke-10 yang lalu. Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin sebelum ini adalah Menteri Belia dan Sukan.



Dalam senarai kabinet baru yang diumumkan, Y.B. Dato' S. Subramaniam kekal sebagai Timbalan Menteri manakala Y.B. Wong Kam Hong pula dilantik sebagai Setiausaha Parlimen bagi menggantikan Y.B. Datuk Tan Chai Ho yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga Komunikasi dan Multimedia.

Sementara itu, pada majlis serah tugas jawatan yang diadakan pada 15 Disember 1999, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin berkata, beliau tidak mahu dibandingkan dengan Dato' Seri Megat Junid yang telah menerajui Kementerian ini sejak dua tahun lalu. Kata beliau, Dato' Seri Megat sudah buat yang terbaik dan saya juga akan membuat apa yang terbaik untuk Kementerian ini".

Menurut Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin, selain meneruskan dasar yang sedia ada, Kementerian ini akan cuba mengimbangi antara keperluan masyarakat pengguna dan masyarakat peniaga supaya semua pihak mendapat manfaat bersama perkembangan ekonomi negara. Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin juga menyatakan beliau akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak yang terbabit sebagai orang tengah di antara pengguna dan peniaga, termasuk dengan Kementerian Pertanian.

Y.B. Dato' Seri Megat Junid dalam ucapannya pada majlis tersebut mengucapkan selamat tinggal kepada semua warga Kementerian dan berpesan supaya semua kakitangan memberi kerjasama sepenuhnya kepada pengganti beliau. Beliau berkata orang ramai memandang tinggi kepada Kementerian ini yang bertanggungjawab memastikan harga barangan stabil terutamanya pada musim perayaan. "Ada beberapa rang undang-undang yang akan dibentangkan di Parlimen dan saya berharap ia dapat disempurnakan," ujar beliau.

KEMENTERIAN BERTARAF DUNIA MENJELANG 2004

(Rumusan Mesyuarat Perancangan Strategik)

Kementerian bertaraf dunia menjelang 2004 itulah visi yang telah dirumuskan oleh Mesyuarat Perancangan Strategik Kementerian yang telah berlangsung dari 8 hingga 12 April 1999 di Swiss Garden Resort, Kuantan, Pahang. Mesyuarat tersebut bertujuan menentukan hala tuju Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menjelang alaf baru. Mesyuarat ini juga bertujuan mengenal pasti *key strategy* serta menjana *corporate strategy*. Mesyuarat yang dihadiri oleh Y.B. Dato' Seri Menteri, Y.B. Dato' Timbalan Menteri, Y.Bhg. Dato' Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Bahagian dan pegawai-pegawai kanan itu akhirnya telah menetapkan satu visi untuk Kementerian ini, iaitu menjadikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebagai Kementerian bertaraf dunia dalam menggalakkan pembangunan dan pengawalseliaan menjelang tahun 2004 dengan *Dynamism* sebagai strategi korporat umum Kementerian.

Y.B. Dato' Seri Menteri dalam ucapan pada majlis tersebut telah menekankan pentingnya seluruh warga Kementerian berusaha meningkatkan imej Kementerian supaya masyarakat sedar tentang peranan dan kewujudan Kementerian ini "kita hendaklah menghias diri kita supaya dikenali orang", pesan beliau.

Sementara itu, Y.Bhg. Dato' Ketua Setiausaha dalam ucapannya pula menekankan betapa perlunya semua kakitangan bertindak sebagai satu Kementerian dan bukannya mengikut Bahagian masing-masing. Beliau juga telah mengarahkan supaya pelan korporat yang dihasilkan oleh Mesyuarat Perancangan Strategik ini dijadikan bahan penting dan hendaklah disediakan bersama-sama fail meja.

Dalam pada itu, terdapat lima elemen dikenal pasti bagi pelaksanaan Pelan Korporat 2000. Elemen-elemen tersebut meliputi:-

- i. aspek perundangan/kawal selia (kesesuaian dan keperluan baru);
- ii. organisasi (bentuk dan kuasa);
- iii. Human resources capability/peningkatan keupayaan dan produktiviti);
- iv. Teknologi (utilisation optimisation); dan
- v. Institutional arrangements (optimising-maximising synergy public-private sector). *

KANDUNGAN

Muka Surat

1	Menteri Baru	1
2	Sidang Pengarang	2
3	Kementerian Bertaraf Dunia Menjelang 2004	2
4	Majlis Anugerah Kualiti Kementerian	3
5	Pelan Kontingensi Y2K KPDN&HEP	4
6	Kadar Inflasi Di Malaysia	6
7	Pesta Sukan PDNP'99 Meriah	7
8	Berita bergambar – Sukan PDNP '99	8
9	Some Rationale For A Competition Law	10
10	Keberkesanan Kempen Belliah Barangan Buatan Malaysia	12
11	Anjakan Paradigma Pada Alaf Baru	13
12	Lawatan Ahli Kelab PDNP Ke Rumah Sri Kenangan Seremban	15
13	Mesyuarat Agung Kelab PDNP Kali Kelapan	16

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Y.M. Raja Ismail bin Dato' Raja Mohamed
Puan Hajah Zainah binti Haji Mohamed

**KETUA
PENGARANG** Encik Badaruddin bin Haji Mahyudin
Encik Ahmat Ruslan bin Mohd. Ariffin

PENGARANG Encik Lim Pang Kuan
Encik Baharuddin bin Atan
Puan Umi Kalsom binti Adam
Encik Jayanth Govindan
Encik Zamzuri bin Abdul Aziz
Cik Wee Lip Ping

Majlis Anugerah Kualiti Kementerian

Majlis Anugerah Kualiti Kementerian telah diadakan pada 11 November 1999, bertempat di Dewan Labuan, Tingkat 3, Kompleks Dayabumi. Perasmian majlis disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato* Pahamin A. Rajab, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Lima Anugerah yang dipertandingkan pada tahun ini ialah Anugerah Perlindungan Pengguna Terbaik, Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat Terbaik, Anugerah Inovasi Terbaik, Anugerah Pengurusan Kaunter Terbaik, Anugerah Laman Web Terbaik dan satu penghargaan kepada Pejabat Pendaftaran Perniagaan di atas kejayaan memperoleh Pengiktirafan Sijil MS ISO 9002.

Pejabat Penguatkuasa Pulau Pinang sekali lagi telah berjaya memenangi kategori Anugerah Perlindungan Pengguna Terbaik setelah memenanginya pada tahun lepas ketika pertama kali anugerah ini diperkenalkan. Anugerah ini bertujuan menilai sistem yang digunakan bagi memberi perlindungan pengguna

Pengurusan Teknologi Maklumat merupakan anugerah baru diperkenalkan, bertujuan menilai sejauh mana sistem maklumat telah digunakan dan memenuhi keperluan bahagian/unit dari segi operasi, komunikasi, pengurusan/pentadbiran dan membantu di dalam membuat keputusan. Ia juga bertujuh menilai bagaimana faedah diperolehi daripada pelaksanaan Sistem Aplikasi Maklumat dari segi penggunaan sumber



TAHNIHAH... Para pemenang anugerah bergambar bersama-sama Y.Bhg. Dato* KSU dan Y.Bhg. Dato* TKSU 1

manusia, pembaharuan dan pungutan hasil. Anugerah Pengurusan Kaunter pula diberikan kepada pejabat yang menunjukkan standard prestasi yang cemerlang dalam pengurusan kaunter. Pemilihan penerima anugerah berdasarkan kemudahan pelanggan, kesediaan bagi menerima pelanggan, amalan-amalan baik staf kaunter, sokongan pihak pengurusan, penglibatan pekerja dan usaha mengenal pasti keperluan serta ekspektasi pelanggan.

Dua anugerah berjaya dimenangi oleh Pejabat Pendaftaran Syarikat. Pejabat Pendaftaran Syarikat Kuala Terengganu merangkul Anugerah Inovasi Terbaik. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan Kementerian kepada Bahagian/Cawangan dan stafnya yang berjaya memperkenalkan inovasi-inovasi atau idea-idea baru pentadbiran yang penting. Matlamatnya ialah untuk menggalakkan mereka supaya terus bersifat inovasi dan kreatif serta melpatgandakan sumbangan kepada perkhidmatan awam.

Anugerah Laman Web Terbaik telah dimenangi oleh Ibu Pejabat Pendaftaran Syarikat, Kuala Lumpur. Anugerah ini juga merupakan anugerah baru dan pertama kali diperkenalkan di Kementerian ini. Ia bertujuan memberi peluang kepada Bahagian/Cawangan di Kementerian yang proaktif bagi memperkenalkan perkhidmatan Bahagian/Cawangan masing-masing melalui laman web yang diwujudkan, di samping

bersambung di muka 5



Sebahagian tetamu yang hadir pada majlis tersebut

yang berkesan meliputi aspek penyelesaian masalah pengguna, mendidik pengguna dan melengkapkan kemahiran anggota yang mengendalikan hal-ehwal perlindungan pengguna. Di samping itu, anugerah ini bertujuan menilai program-program, aktiviti-aktiviti dan sumber-sumber yang diadakan oleh cawangan untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran pengguna.

Ibu Pejabat Pendaftaran Perniagaan Kuala Lumpur dan Pejabat Pendaftaran Perniagaan Johor Bahru masing-masing telah memenangi Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat Terbaik dan Anugerah Pengurusan Kaunter Terbaik. Anugerah

PELAN KONTINGENSI Y2K KPDN & HEP

Sungguhpun tindakan-tindakan telah dan sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani masalah-masalah berkaitan dengan Y2K, namun tiada sebarang jaminan dapat dibuat bahawa pelaksanaan sistem pengkomputeran akan berjalan tanpa masalah. Oleh yang demikian, satu perancangan yang dikenal pasti sebagai "Pelan Kontingensi Y2K" perlu diwujudkan sebagai sistem sokongan dan langkah berjaga-jaga sekiranya tindakan yang telah diambil menemui kegagalan. Tujuan serta objektif utama pelan tersebut ialah:-

- Memastikan Kementerian ini akan terus dapat melaksanakan perkhidmatan/ sistem yang kritikal sepanjang masa dan sehingga menjelang Y2K;
- Menyediakan langkah-langkah serta prosedur-prosedur kontingensi bagi setiap perkhidmatan/ sistem Kementerian yang dikenal pasti sebagai kritikal; dan
- Menetapkan peranan dan tanggungjawab kakitangan Kementerian supaya pelan kontingensi Y2K dapat dilaksanakan secara berkesan dalam keadaan krisis dan pada tempoh masa yang ditentukan.

Pelan kontingensi ini merangkumi tiga (3) sistem utama dan kritikal yang kini beroperasi di Kementerian. Ini termasuklah Sistem Maklumat Pendaftaran Syarikat, Sistem Maklumat Pendaftaran Perniagaan serta Sistem Maklumat Cap Dagangan dan Paten. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diliputi oleh pelan kontingensi bagi setiap sistem aplikasi di atas adalah seperti berikut:-

BAHAGIAN/MODUL SERTA APLIKASI DAN TINDAKAN DI BAWAH PELAN KONTINGENSI

1. Sistem Maklumat Pendaftaran Syarikat

- Carian Nama Syarikat**
Proses carian nama syarikat akan dilaksanakan melalui komputer mikro (PC) dan cetakan surat kelulusan/ penolakan akan dilaksanakan secara manual.
- Penubuhan**
Bagi proses penubuhan syarikat, pengeluaran sijil penubuhan dan pengeluaran sijil tukar nama syarikat akan dijalankan secara manual.
- Mesin Resit**
Pengeluaran resit adalah menggunakan format KEW.8 di mana resit akan ditulis dengan tangan.

- Pembekalan Maklumat Melalui Komputer**
Pembekalan maklumat adalah dibuat melalui dokumen asal syarikat yang disimpan di dalam mikrofilem dan juga melalui salinan dokumen asal fizikal.
- Kemaskini Maklumat Syarikat**
Dicatatkan secara manual iaitu proses, simpan daftar masuk ke dalam fail dan mikrofilem di mana maklumat akan dikemaskini semula ke dalam komputer apabila sistem pulih.
- Denda**
Notis denda akan disediakan secara manual dengan menggunakan PC atau mesin taip.
- Gadaian**
Sijil pendaftaran gadaian akan disediakan secara manual.
- Pembubaran Syarikat**
Maklumat pembubaran syarikat dikemaskini di dalam fail fizikal dan surat akan ditaip.
- Setiausaha Syarikat**
Maklumat Setiausaha akan difaillkan dan surat serta sijil permohonan lesen setiausaha akan ditaip.
- Audit**
Maklumat akan dikemaskini di dalam fail fizikal.

2. Sistem Maklumat Pendaftaran Perniagaan

- Kelulusan Nama Perniagaan**
Bagi kelulusan penggunaan nama peribadi, ianya akan dijalankan secara manual dan akan dikemaskini apabila sistem pulih. Bagi kelulusan penggunaan nama perniagaan (trade name), proses carian disemak menerusi indeks.
- Mendaftar dan Mengeluarkan Sijil Akuan Pendaftaran Perniagaan**
Pengrekodan secara manual di dalam fail fizikal dan sijil akan ditaip.
- Mendaftarkan Perubahan Maklumat Perniagaan**
Pengrekodan secara manual dan sijil akan ditaip.
- Mendaftarkan Pemberitahuan Penamatan Perniagaan**
Dilaksanakan secara manual.

Membekalkan Salinan Maklumat Perniagaan Berdaftar
Dilaksanakan melalui semakan fail dan mengeluarkan maklumat secara manual.

Pengutipan Bayaran
Pengutipan bayaran bagi pembaharuan sijil akan dijalankan secara manual dengan syarat peniaga membawa sijil asal dan bayaran lain akan direkodkan melalui borang 48.

3. **Sistem Maklumat Cap Dagangan dan Paten**

Resit Penerimaan Bayaran
Menggunakan resit KEW. 38 dan diproses secara manual.

Permohonan Baru Cap Dagangan dan Paten
Proses berkaitan permohonan baru Cap Dagangan dan Paten akan dilakukan secara manual.

Proses Pemeriksaan Formaliti
Laporan pemeriksaan, notis serta surat-menyurat akan dikeluarkan secara manual.

Pemeriksaan Carian Maklumat Cap Dagangan dan Paten serta Pemeriksaan Substantif
Rekod akan *download* kepada PC bagi menyediakan program carian. Proses pemeriksaan carian adalah agak

perlahan kerana rekod yang banyak.

Pendaftaran Cap Dagangan dan Paten
Sijil pendaftaran Cap Dagangan dan Paten akan dikeluarkan/dicetak secara manual.

Pembaharuan Cap Dagangan dan Paten
Sijil Pembaharuan akan dicetak secara manual.

Pos Pendaftaran
Semua surat-menyurat dan notis dicetak secara manual.

Carian Awam Untuk Maklumat Cap Dagangan dan Paten
Carian awam boleh dilaksanakan dengan merujuk kepada Buku Daftar.

Secara keseluruhan, sekiranya tindakan-tindakan penyelesaian Y2K menemui kegalan, perkhidmatan-perkhidmatan asas yang melibatkan Kementerian masih boleh disediakan menjelang tahun 2000. Walau bagaimanapun, dijangkakan bahawa tahap kecakapan perkhidmatan tersebut merosot antara 60% hingga 75% berbanding dengan sekarang. Adalah diharapkan supaya pelanggan-pelanggan yang berhubung dengan pihak Kementerian akan berpuas hati terhadap perkhidmatan/sistem yang ditawarkan sepanjang masa dan ketika menjelang Y2K.*

sambungan dari muka 3

meneliti struktur dan kandungan yang kemas serta kandungan maklumat-maklumat yang tepat serta relevan, dan menggambarkan perkhidmatan yang ditawarkan. Penyampaian anugerah-anugerah berkenaan telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' KSU.

Sementara itu, dalam ucapan perasmian, Y. Bhg. Dato' KSU menyatakan Majlis Anugerah Kualiti merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan kepada Bahagian-Bahagian di Kementerian di atas usaha gigih meninggikan lagi mutu perkhidmatan. Beliau turut menyatakan perkhidmatan yang berkualiti merupakan perkhidmatan yang mempunyai ciri-ciri memenuhi kehendak pelanggan serta menekankan ketepatan masa, fakta dan maklumat dalam memberi perkhidmatan, sentiasa responsif kepada kehendak pelanggan dan menyempurnakan tugas dengan adil dan jujur. Beliau turut menyarankan agar penjawat awam di Kementerian dapat melaksanakan perkhidmatan berkualiti yang terbaik setiap masa tanpa memikirkan ganjaran dan anugerah.

Beliau juga berharap agar anugerah yang diterima menjadi satu dorongan atau motivasi untuk terus mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, di samping meningkatkan kemahiran teknologi maklumat, inovatif, jujur dan peka kepada kehendak pelanggan yang sentiasa berubah-ubah selaras dengan cabaran alaf akan datang. Y. Bhg. Dato' KSU menegaskan, satu daripada kriteria penting untuk menuju ke arah peningkatan kualiti adalah melalui pengiktirafan sama ada ianya melibatkan individu, kumpulan atau bahagian.

Sebelum mengakhiri ucapan, Y. Bhg. Dato' KSU mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima anugerah dan kepada yang tidak berjaya beliau meminta agar terus memperkuatkan iltizam, daya usaha, mempertingkatkan kemahiran khususnya berkaitan teknologi maklumat, memperkemaskan lagi sistem gunapakai sekarang ini dan meneruskan perkhidmatan berkualiti yang lebih gigih lagi untuk menghadapi cabaran pada alaf baru.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah TKSU I dan II, Ketua-Ketua Bahagian, agensi-agensi swasta yang berkaitan dengan Kementerian dan hampir 250 kakitangan Kementerian dari semua pejabat cawangan Kementerian di seluruh negara. *

KADAR INFLASI DI MALAYSIA



Rata : Wajaran Makanan 34.5%

Index refers to annualized (year on year)

Sumber : Berdasarkan Penterbitan Bulanan Malaysia Indeks Harga Pengguna, Jabatan Perangkaan Malaysia

AMALAH BERKEMBARAAN 1999 DAN 2000 (1998-1999)

Kadar inflasi yang berasaskan Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatatkan kadar peningkatan yang semakin berkurangan sejak bulan Januari 1999, iaitu daripada 5.2% kepada 1.6% pada bulan November 1999 (Graf 1). Bandingan mengikut suku tahun turut mencatatkan kadar peningkatan yang terus menurun [4.0% pada suku tahun pertama 1999, 2.7% pada suku tahun kedua 1999 dan 2.3% pada suku tahun ketiga 1999]. Kadar inflasi yang berkurangan ini mempunyai kaitan rapat dengan beberapa elemen seperti penetapan pertukaran ringgit pada kadar RM3.80 bagi setiap USD pada bulan September 1998, kadar inflasi yang rendah di negara-negara perdagangan utama dan lebihan kapasiti pengeluaran.

Walaupun IHP Malaysia menunjukkan trend peningkatan yang

semakin menurun, tetapi perbandingan dengan beberapa negara terpilih ASEAN dan Asia Timur, didapati IHP Malaysia masih tinggi. Umpamanya bagi bulan November 1999, IHP negara China (-0.9%), Thailand (-0.0%), Taiwan (-0.9%), South Korea (1.4%).

Sehubungan itu, untuk menurunkan kadar inflasi kepada tahap yang serendah mungkin, semua pihak, iaitu pengeluar/pengilang dan peniaga perlu mengambil kira elemen IHP dalam aktiviti perniagaan mereka. Dalam pada itu, pihak pengguna pula perlu bijak berbelanja. Tegasnya, kerjasama daripada semua pihak adalah penting dalam membanteras kenaikan harga barangan/perkhidmatan yang seterusnya dapat mencapai sasaran inflasi sifar.*

KEDUDUKAN MALAYSIA DARI SEGI INFLASI

Negara	Jan 1999	Reb 1999	Mac 1999	Apr 1999	Mei 1999	Jun 1999	Jul 1999	Agst 1999	Sep 1999	Ok 1999	Nov 1999	Dis 1999	Jan 2000	Feb 2000	Mar 2000	Apr 2000	Mei 2000	Jun 2000	Jul 2000	Agst 2000	Sep 2000	Ok 2000	Nov 2000	Dis 2000	
CHINA	-1.2	1	-1.3	1	-1.8	1	8.3	-2.2	1	-2.2	1	-2.1	1	6.9	-1.4	1	-1.3	1	-0.8	1	7.0	-0.6	1	-0.9	1
SINGAPURA	-0.5	2	-0.6	2	-0.6	2	1.2	-0.2	2	0.1	3	0.5	4	6.7	0.6	5	0.9	5	1.2	5	6.7	1.5	5	*	
TAIWAN	0.4	3	2.1	3	-0.5	3	4.3	-0.1	3	0.5	4	-0.8	3	6.5	-0.8	3	1.1	3	0.6	3	5.1	0.4	3	-0.9	1
SOUTH KOREA	1.4	4	0.2	4	0.5	4	4.6	0.4	4	0.8	5	0.6	5	9.8	0.3	4	*	4	0.8	4	12.3	1.2	4	1.4	4
THAILAND	3.5	5	2.9	5	1.6	5	8.9	0.4	4	-0.5	2	-1.2	2	3.5	-1.1	2	-1.1	2	-0.8	1	*	-0.5	2	0.0	3
MALAYSIA	5.2	6	3.8	6	3.0	6	-1.3	3.9	5	3.9	6	2.1	6	-1.1	3.8	6	3.3	6	2.1	6	8.1	2.1	7	1.6	5
FILIPINA	11.6	7	9.9	7	8.7	7	1.2	8.0	6	8.7	7	5.8	7	3.6	5.7	7	5.5	7	5.7	8	3.1	5.4	8	3.9	6
INDONESIA	70.7	8	53.4	8	53.4	8	-10.3	38.8	7	30.7	8	24.5	8	1.8	13.5	8	5.0	8	1.3	7	0.3	1.6	6	1.8	5

* Data belum diperolehi

Sumber : Berdasarkan Maklumat The Economic Magazine

PESTA SUKAN PDNP '99 MERIAH

Pesta Sukan PDNP '99 berlangsung dari 10 hingga 13 November 1999 di tiga tempat, iaitu Kompleks Sukan Datuk Keramat (acara badminton sahaja), INTAN, Bukit Kiara dan Kelab Royal Selangor (RSC). Pesta sukan dimeriahkan dengan kehadiran Y.B. Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.Bhg. Dato' KSU dan semua pegawai dan kakitangan Kementerian. Pesta sukan ini adalah yang ketiga bagi Kementerian. Pesta sukan kali kedua diadakan pada tahun 1997 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong Selangor.



BERSEMANGAT..... Walau berhujan peserta tetap berbaris pada upacara penutup

Lima pasukan yang menyertai pesta sukan kali ini adalah daripada Bahagian-Bahagian di Kementerian. Pasukan Menteri merupakan gabungan daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Kewangan, Bahagian Pengurusan Am, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Bahagian Hal Ehwal Pengguna, Bahagian Perancangan dan Pembangunan serta Bahagian Teknologi Maklumat; Pasukan Timbalan Menteri diwakili oleh Pejabat Pendaftaran Perniagaan; pasukan Setiausaha Parlimen diwakili oleh Pejabat Pendaftar Syarikat, pasukan KSU diwakili oleh Bahagian Penguatkuasa dan Pasukan TKSU diwakili oleh Bahagian Harta Intelek.

Sebanyak tujuh acara dipertandingkan iaitu bola sepak, bola jaring, sepak takraw, bola tampar, ping pong, badminton serta tarik tali lelaki dan wanita. Y.M. Raja Ismail bin Dato' Raja Mohamed selaku Presiden Kelab PDNP dalam ucapan penutup menyatakan bahawa kehadiran Y.B. Menteri dan Y.Bhg. Dato' KSU dapat mendorong dan menguatkan semangat pemain



SOKONGAN.... Kehadiran Dato' Seri Megat Junid menguatkan lagi semangat peserta

untuk bersukan demi mencapai kejayaan. Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Y.B. Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.Bhg. Dato' KSU dan semua Ketua Bahagian yang memberi sokongan dan bantuan kepada pasukan masing-masing untuk menyertai pesta sukan itu.

Pesta sukan 1999 ini diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Y.B. Menteri dan Y.Bhg. Dato' KSU. Dalam pesta sukan tersebut, Pasukan KSU (Bahagian Penguatkuasa) telah memenangi johan keseluruhan manakala naib johan disandang oleh Pasukan Timbalan Menteri (Pejabat Pendaftaran Perniagaan).*

KEPUTUSAN KESELURUHAN

Jenis Permainan	Johan	Naib Johan
Bola Jaring	Menteri	SUP
Bola Sepak	KSU	Timbalan Menteri
Bola Tampar	KSU	SUP
Badminton	KSU	SUP
Ping Pong	KSU	SUP
Sepak Takraw	KSU	SUP
Tarik Tali (L)	KSU	Timbalan Menteri
Tarik Tali (W)	Menteri	Timbalan Menteri

Sekitar Sukan PD



SOKONGAN VIP... kehadiran Y.B. Dato' Sri Megat Junid, Y.Bhg. Dato' KSU menyemarakkan lagi semangat peserta.



SYABAS... Pasukan KSU muncul sebagai juara keseluruhan Pesta Sukan PDNP '99



MALAYSIA BOLEH... Pasukan Menteri muncul johan acara bola jaring



MENANG... Pasukan KSU muncul juara pertandingan tarik tali lelaki



TARIK... Pasukan tarik tali wanita Menteri sedang mengerah tenaga.



ta Sukan '99



TERBANG... Salah satu aksi menarik dalam pertandingan bola sepak



SENGIT... Pasukan Timbalan Menteri dan SUP bertarung penuh semangat.



BAKAT TERPENDAM... Acara bolatamper dan sepak takraw berlangsung di INTAN KIARA di ungguli oleh Pasukan KSU



SEJUK... Semua peserta berbaris walaupun hujan semasa acara penutup kejohanan berlangsung



Acara Ping Pong dilangsung di Putra Place Kuala Lumpur turut menampilkan aksi-aksi menarik

SOME RATIONALE FOR A COMPETITION LAW

(i) THE INADEQUACIES OF EXISTING LAWS TO REGULATE COMPETITION

Malaysia currently has about 30 laws to regulate certain activities of enterprises and to protect consumer interests. These include the Companies Act 1965, the Control of Supplies Act 1963, the Trade Descriptions Act 1972, the Hire Purchase Act 1967, the Weights and Measures Act 1972, the Direct Sales Act 1993, the Food Act 1983, etc. In addition, the Consumer Protection Act 1999 was recently approved by Parliament. Some restrictive business practices (RBPs) such as collusive tendering, market allocation or quota, refusal to supply, cartel, price fixing, predatory pricing, transfer pricing, etc. were or are suspected to occur but action could not be taken under the existing laws, including the abuse of market power by dominant enterprises.

(ii) INCREASING LIBERALIZATION AND GLOBALISATION OF WORLD TRADE

The globalisation of economic activities are increasing considerably following the liberalisation of trade under ASEAN, AFTA, APEC and WTO. Malaysia, with its free enterprise economic system and its policies on deregulation, liberalisation as well as privatisation, may witness an influx of foreign multi-national corporation (MNCs) which, in many cases, are being encouraged, especially to invest in high technology and capital intensive manufacturing industries. The presence of MNCs without a comprehensive legislation to prohibit or control RBPs, cannot ensure fair and healthy competition and efficiency. Some MNCs or big dominant firms may take advantage of the situation and indulge in unfair trade practices prohibited in other countries already having such a legislation. MNCs with economics of scale, vast purchasing power and modern technology and management, may easily gobble up the smaller local players and end up monopolising the industries

concerned. The existence of an effective competition law could control such unfair tendencies.

(iii) COOPERATION BETWEEN COMPETITION AUTHORITIES TO CONTROL RBPs

National competition policies generally seek to promote competition by controlling RBPs that have an effect on the domestic market but would find difficulty to control RBPs by companies operating from outside the national borders. The increasing globalisation of economic activities and operations of business enterprises have accentuated the need for international rules of the game to protect and promote competition in the global market. The globalisation of trade provides the basis for cooperation among countries to control RBPs which otherwise can reduce the economic benefits generated by trade liberalisation measures. Uncontrolled RBPs can also undermine the effectiveness of multilateral trading rules. In other words, by having a competition law, cooperation between competition authorities could be established to enable the exchange of information, consultation, coordination of procedures, etc. in order to discipline RBPs, especially by MNCs.

(iv) IMPERFECTIONS IN THE MARKET STRUCTURE

Some studies conducted on the market structure of industries in Malaysia showed a trend towards an increased concentration of market power. These studies showed that only a small portion of the total local industry could be said to be genuinely competitive whereas most are oligopolistic in nature. Whilst monopolies or oligopolies are not bad per se, they usually breed abuse of dominant market power and can be detrimental to the country in the long run. With a competition law, the behaviour of such concentration of market power would be monitored closely and any abuse of market power, particularly unauthorised exercising of RBPs by any enterprise, may be dealt with appropriately.*



(v) IMPERFECTIONS IN THE DISTRIBUTION SYSTEM

Although prices of goods and services in Malaysia are generally left to the market forces of supply and demand, price inelasticity occurs many a time whereby prices are not reduced though supply has increased, including through imports or reduction of import duties on imported goods. This trend may be due to the imperfections in the distribution system, the market manipulations of some suppliers or traders, the lack of information, etc. Apart from improving areas of weaknesses, such as by intensifying consumer education activities and enhancing consumer information, having a law to handle RBPs could help improve the system and increase the overall efficiency and productivity of relevant industries. It would also result in the improved quality of goods and services at reasonable prices.

(vi) INFLATION CONTROL

Fair competition also contributes towards lower production costs and better quality goods and services for consumers (i.e. this is known as allocative efficiency). In a competitive market, industries will constantly endeavour to increase productivity and maintain prices at competitive levels in order to maintain, if not increase, their positions in the market place. In such a market, the prices of goods and services are not easily inflatable, arbitrary price increases discouraged and monopoly vent or excessive profiteering curbed. A competition law will thus have far reaching effects in assisting the government's efforts to control or curb inflation. Hopefully, with an effective competition law, market forces would determine more reasonable prices and administrative price control presently practiced would no longer be necessary.

(vii) PROTECTING INTERESTS OF SMALL AND MEDIUM SIZED INDUSTRIES (SMI's)

The government has identified SMI's as a positive agent for growth and they would be given opportunities to compete with larger industries. The availability of a competition law can provide a conducive environment for fair play in the local market place. With such a law,

mergers of small enterprises may be allowed in order that they may become more competitive. Agreements among small enterprises to make purchases, carry out research, advertise, etc. may also be allowed. The law may also authorize certain RBPs, say by SMI indigenous firms, if considered beneficial in the public or national interest.

(viii) BENEFITS TO CONSUMERS

With fair competition, consumers will enjoy benefits in terms of wider choices and better quality goods and more efficient services at competitive prices. Competition law safeguards the interests of consumers by ensuring fair and healthy competition and regulates anti-competitive conduct or unfair methods of competition which prevent consumers from influencing the market mechanism (i.e. this is known as consumers' sovereignty).

(ix) BENEFITS TO BUSINESSES

By having a competition law, traders can also benefit as there will be a more level or fair playing field for all, bearing in mind the ability to control mighty corporations from abusing their market power. There would also be clear and transparent, published well-known standards and hence predictability, thereby enabling businesses to plan investment accordingly.

(x) CONCLUSIONS

The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (MDTCA) believes in the importance of competition law to avoid anti-competitive conduct of enterprises. The Ministry also recognizes that such a law will complement the existing laws and regulations and may further enable action to be taken against restrictive business practices (RBPs) which stifle national economic development. Our analysis of the needs for and implications of having a competition legislation has and will continue taking into account the extent to which domestic policies can be pursued to enhance competitiveness of domestic industries and services and yet meet national socio-economic objectives. *

KEBERKESANAN KEMPEN BELILAH BARANGAN *BUATAN MALAYSIA*

Kualiti merupakan faktor utama yang menentukan daya saing sesuatu barangan, baik di pasaran tempatan ataupun di pasaran global. Tahap kualiti sesuatu barangan dapat dinilai menerusi kepuasan pelanggan. Pelanggan akan cenderung untuk membeli barangan tempatan jika mereka berkeyakinan bahawa kualiti barangan tempatan lebih baik atau tidak jauh bezanya dengan yang diimport. Ini dibantu pula oleh harga barangan tempatan yang amnya lebih rendah berbanding dengan harga barangan import.

Daripada kajian yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, didapati tahap kepuasan pelanggan terhadap kualiti barangan tempatan adalah sederhana. Mereka paling berpuas hati dengan kualiti kenderaan keluaran tempatan. Perbandingan yang dibuat dengan barangan import untuk beberapa barangan terpilih (seperti pakaian, barangan kulit, barangan elektrik dan kenderaan) memperlihatkan bahawa kualiti barangan tempatan masih rendah berbanding dengan kualiti barangan import. Dalam pada itu, rekabentuk pakaian dan barangan kulit keluaran tempatan masih belum berada pada tahap yang membanggakan.

Bagi meningkatkan kesedaran tentang barangan tempatan, Kerajaan telah menganjurkan Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia. Hasil kajian mendapati sebilangan besar pengguna sedar tentang kempen yang diadakan. Televisyen, akhbar dan radio merupakan saluran paling berkesan dalam menyedarkan orang ramai tentang kempen ini.

Responden perempuan merupakan golongan paling sedar tentang kempen ini. Walau bagaimanapun, kempen yang dijalankan bukanlah faktor utama yang mendorong orang ramai untuk membeli barangan tempatan, khususnya golongan berbangsa Cina. Faktor yang lebih mendorong orang ramai untuk membeli barangan tempatan ialah kegawatan ekonomi. Apa yang menarik untuk diperhatikan ialah adakah kecenderungan kepada barangan tempatan akan berubah kepada barangan import apabila ekonomi negara semakin pulih dan kuasa membeli meningkat?

Beberapa cadangan dikemukakan bagi menambah keberkesanan kempen yang bertujuan mencetuskan kecintaan orang ramai terhadap barangan tempatan. Teras kepada kualiti barangan terletak kepada usaha padu ke arah menghasilkan barangan tempatan menerusi kegiatan R&D. Di samping itu, cerita kejayaan barangan tempatan menembusi pasaran antarabangsa (seperti diterima untuk dijual di gedung ternama, iaitu Harrods, Sears dsb.) perlu diberi publisiti meluas di media seperti televisyen, akhbar dan radio. Pameran barangan tempatan hendaklah juga dianjurkan secara lebih berfokus dengan kepada jenis barangan tertentu atau gerai-gerai diaturkan (arrange) mengikut kategori atau jenis barangan di mana ini akan lebih memudahkan carian oleh pengguna/kumpulan sasaran yang sesuai. Pameran yang diadakan perlu lebih terancang dan teratur (tidak semestinya secara besar-besaran) dan dianjurkan di pelbagai tempat bagi mendedahkan barangan tempatan kepada kumpulan sasaran yang lebih menyeluruh. Kempen menerusi saluran media, pameran, iklan atau promosi mestilah diadakan secara berterusan dan bukan bermusim.*

ANJAKAN PARADIGMA PADA ALAF BARU

Hari Kualiti KPDN&HEP telah dirayakan pada pagi 11 November 1999 yang lalu. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' KSU Kementerian dalam suasana kekeluargaan yang ceria lagi meriah. Lagu latar belakang yang dipetik daripada pustaka irama Melayu asli mengiringi perjalanan majlis dari mula hingga akhir. Iramanya yang mendayu-dayu begitu lembut dan menyentuh perasaan, bagaikan terharu untuk menutup tirai abad ke-20.

Seungguhnya perayaan Hari Kualiti kali ini adalah yang terakhir untuk abad ini. Walaupun ianya dirayakan dalam suasana yang sederhana tetapi telah meninggalkan nostalgia yang amat mendalam. Kesan ini wujud sebahagian besarnya daripada ucapan Y.Bhg. Dato' KSU yang banyak mengandungi pengertian tersurat dan tersirat, terutamanya mengenai kualiti dalam perkhidmatan. Antara lain, beliau menyatakan bahawa :

"Kualiti ialah suatu sifat yang kualitatif dan subjektif. Kualiti itu sendiri tidak ada garis penamat. Ia merupakan suatu sifat yang berterusan dalam kehidupan manusia." Beliau menegaskan bahawa "orang yang merasakan dirinya berkualiti dan berpuas hati dengan kualiti yang ada padanya adalah orang tidak berkualiti". Kenyataan ini nampaknya amat sinis dan bernada *philosophical*. Ia mengandungi nilai estetikanya yang tersendiri dan melambangkan ketajaman daya persepsi beliau sebagai "Penghulu Adat" di Kementerian ini.

Kata-kata itu bagaikan menggamit minda semua pegawai dan kakitangan Kementerian untuk menjadikan kualiti sebagai teras dan budaya dalam menjalankan tugas seharian. Beliau menasihatkan semua warga Kementerian sentiasa meningkatkan nilai kualiti yang sedia ada ke tahap yang lebih tinggi. Katanya lagi:

"Keputusan kualiti patut dianggap sebagai keputusan yang sementara sahaja kerana kualiti sentiasa berkembang tanpa garisan penamat. Ianya subjektif. Dalam menjalankan tugas seharian, kita hendaklah berusaha melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya. *Think positive*. Jangan fikir tentang masalah atau halangan."

Beliau menggariskan 4 sifat atau ujian utama yang perlu ada dalam jiwa setiap penjawat awam semasa memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Sifat-sifat itu ialah :-

- i) Ketetapan masa (*punctuality*) kepada pelanggan terutamanya dalam memproses sesuatu permohonan atau membuat temujanji;
- ii) Ketetapan fakta dalam memberi penjelasan kepada masalah atau kemusykilan pelanggan;
- iii) Responsif dan peka terhadap kehendak pelanggan; dan
- iv) Bersikap adil, tegas dan jujur kepada pelanggan. Unsur ini berkait rapat dengan sikap komited dan akauntabiliti terhadap tugas atau tanggungjawab yang diamanahkan.

Sifat-sifat sebenarnya merupakan teras dalam perkhidmatan yang bercirikan *public oriented*. Ianya perlu diamalkan setiap waktu sehingga menjadi budaya kerja yang berterusan. Sifat-sifat ini hanya akan dapat dihayati jika kita sanggup meletakkan diri kita sebagai seorang pelanggan. Apabila perasaan ini wujud, kita akan dapat menjivai dan menyelami perasaan serta kehendak pelanggan yang kita layani dan, sudah barang tentu kemahiran ini perlu disokong dengan ilmu pengetahuan, kebijaksanaan dan pengalaman yang mendalam.

Kehendak ini akan menjadi lebih kompleks lagi apabila kita melangkah masuk ke alaf baru tahun 2000. Kita akan berhadapan dengan pelanggan-pelanggan yang *educated* dan mempunyai *expectation* yang tinggi terhadap perkhidmatan penjawat awam. Dalam lain perkataan alaf baru tidak hanya mengajak kita untuk menukar kalendar atau langsir baru malahan lebih jauh daripada itu. Ianya memaksa kita berhadapan dengan kecanggihan teknologi maklumat yang sekaligus menguji ketahanan mental dan fizikal kita. Nilai kepuasan dan *expectation* pelanggan akan meningkat sejajar dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Di samping itu, kita juga akan berhadapan dengan gelombang perubahan dalam setiap aspek kehidupan. Para peniaga akan menghadapi persaingan sengit dalam era baru perniagaan tanpa sempadan. Arus perubahan ini tidak dapat dibendung lagi dengan subsidi atau "payung" Kerajaan, sebaliknya menuntut kesediaan diri dalam memahami dan memecahkan istilah perdagangan moden seperti AFTA, Globalisasi, Liberalisasi, E-Commerce dan sebagainya. Bagi penjawat awam pula, mereka akan diajak berhadapan dengan era baru kerajaan elektronik, *paperless*

management, video conferencing, borderless office dan pelbagai infrastruktur yang dicetuskan oleh kecanggihan teknologi maklumat. Semua ini memerlukan persediaan dari sekarang supaya kita dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju di dunia.

Namun demikian, kira harus segera menyoal diri sendiri tentang persediaan untuk menghadapi segala ranjau dan gelombang abad ke-21. Apakah kita telah memiliki segala keupayaan dan kesanggupan menempah arus kehidupan pada zaman elektronik? Adakah ilmu pengetahuan dan kemahiran yang kita miliki cukup kuat untuk menjamin kesejahteraan hidup masa depan? Dan bersediaakah saudagar-saudagar kita untuk berhadapan dengan gergasi-gergasi perdagangan antarabangsa? Mampukah orang kita bersaing di pasaran terbuka dalam dunia perniagaan tanpa sempadan?

Semua ini perlukan "vitamin kerohanian" yang cukup kental untuk memenuhi laungan semangat "Malaysia Boleh" dalam apa jua bidang. Zaman moden telah mengetepikan jampi serapah dan tangkal azimat untuk masuk bertempur ke medan juang. Justeru itu kekuatan apakah yang mesti ada pada kita untuk mengharungi gelombang zaman ini? Barangkali kita harus sama-sama merenung jauh ke dalam diri untuk menilai dan memperkemas strategi perjuangan yang kita miliki supaya tidak kecundang di gelanggang sendiri. Untuk itu, rasanya kita perlu membuat anjakan paradigma yang pragmatis lagi berani demi memperjuangkan nasib diri, bangsa dan agama tercinta.

Sesungguhnya *software* kerohanian dalam menangani arus pembangunan pada alaf baru harus disesuaikan dengan acuan kita sendiri. Kita harus juga mengambil kira perspektif adat dan budaya yang kita amalkan selama ini supaya wujud kesesuaian di dalam mengurus, merancang dan melaksanakan setiap langkah menuju pembangunan. Ini sesuai dengan motto hari kebangsaan kita baru-baru ini iaitu "Negara Kita Tanggungjawab Kita". Bukannya orang lain. Bukan juga menerima bulat-bulat atau meniru amalan budaya negara lain walaupun mereka lebih maju daripada kita. Kita mempunyai acuan kita sendiri yang merangkumi sahsiah serta sistem nilai tersendiri. Kita bahagia dengan cara hidup kita dan berbangga dengan apa yang kita miliki. Tuhan menganugerahkan bumi bertuah ini dengan kedamaian, ketenangan dan keharmonian. Anugerah perlu dipelihara dan disyukuri. Oleh itu, kitalah bertanggungjawab untuk mengurus dan memajukan negara kita dengan cara kita sendiri.

Lebih jauh daripada itu, barangkali kita harus menganggap setiap perubahan pada alaf baru sebagai satu hijrah menuju kecemerlangan - Junjangan Besar Nabi Muhammad s.a.w. melakukan hijrah dari Mekah ke Madinah untuk mencari

perlindungan, keamanan dan kedamaian - Baginda berhijrah daripada kehidupan yang penuh dengan ancaman, tekanan dan kegelisahan kepada kehidupan yang lebih tenang dan selamat. Walhal, sebagai Rasul dan Kekasih Allah beliau boleh berdoa kepada Allah s.w.t. untuk menghapuskan segala ancaman dan musuh-musuhnya di Mekah, tanpa perlu berhijrah mengharungi padang pasir dan panas terik matahari. Allah s.w.t. telah berjanji akan memakbulkan apa juga doa Baginda. Tetapi Baginda memilih hijrah sebagai jalan terbaik untuk keluar daripada keributan dan masalah di bumi kelahirannya sendiri. Apakah iktibar yang patut kita selami daripada peristiwa Baginda dan pengikut-pengikutnya?

Sepintas pandang, kita melihat hijrah Baginda sebagai satu *escapism* untuk lari daripada masalah dan ancaman kehidupan di Mekah. Tetapi saya kira Hijrah Baginda mengandungi maksud yang lebih besar untuk dijadikan iktibar oleh umat manusia. Setidak-tidaknya mengajar manusia untuk bersikap cekal dan berani menghadapi perjuangan. Bukan hanya sekadar berdoa dan berserah pada nasib, sebaliknya berusaha memperbaiki nasib sekalipun dalam kehidupan yang sukar. Jika kita dapat mengandaikan hijrah sebagai satu perubahan daripada paradigma lama kepada paradigma baru, maka kita akan melihat ketibaan alaf baru sebagai menunggu kelahiran cahaya mata yang menggembirakan. Ianya bukan cabaran yang menggerunkan tetapi adalah satu kepastian daripada penantian sekian lama. Sepatutnya kita menyambut ketibaannya dengan penuh semangat dan debaran kesyukuran kerana kita sebenarnya menyambut tetamu baru yang membawa bersama-samanya "ufti" pembaharuan.

Apa yang penting ialah kesediaan kita menghadapi angin perubahan zaman. Perubahan dari abad 20 ke abad 21 ini nampaknya tidak hanya sekadar mengajak kita mengubah destinasi pengurusan dan kelengkapan fizikal, tetapi menuntut perubahan sikap dan mental. Ianya merupakan satu anjakan paradigma dalam cara kita berfikir.

Pada masa yang sama paradigma ini harus disokong oleh reformasi kerohanian yang kelak akan melambangkan satu sistem nilai dalam diri. Keteguhan sistem nilai akan membentuk identiti diri yang tak akan lekang dek panas dan tak basah dek hujan. Dan harus kita ingat bahawa kekurangan sistem nilai dalam diri seseorang dapat membina keyakinan dalam istana iman. Keteguhan dan kekuatan iman mampu melakukan apa sahaja kecuali menentang takdir. Sepertimana kata orang tua-tua "kalau tulus makrifat iman, minyak dan air biar bercampur". Demikianlah agungnya anugerah ilahi kepada manusia. Mereka dianugerahkan kekuatan fikiran dan perasaan yang tidak ada bandingannya dengan makhluk lain. Maka gunakanlah kekuatan itu untuk memikirkan yang terbaik untuk hidup ini. *

LAWATAN AHLI KELAB PDNP KE RUMAH SRI KENANGAN SEREMBAN

Penghuni Rumah Sri Kenangan Seremban diraikan oleh seramai 60 ahli Kelab Sukan dan Kebajikan PDNP yang mengunjungi mereka pada 22 Mei 1999. Kunjungan tersebut yang bertemakan *Sayangilah Warga Tua* merupakan salah satu program kebajikan yang diatur oleh Kelab bagi meraikan warga tua selaras dengan seruan ke arah mewujudkan masyarakat penyayang. Program ini memberi kesempatan kepada ahli-ahli kelab untuk beramah mesra dan menggembirakan lebih 200 penghuni Rumah Sri Kenangan berkenaan. Kunjungan ini juga memberi kesedaran dan keinsafan kepada ahli-ahli Kelab agar sentiasa menghargai dan menyayangi warga tua khususnya kedua ibu bapa mereka.



IKHLAS... Timbalan Presiden Kelab menyerahkan sumbangan kepada Penguasa Rumah Sri Kenangan

Penguatkuasa Wilayah Persekutuan dan Penguatkuasa Cawangan Seremban.

Selain beramah mesra dengan penghuni, rombongan turut menyampaikan pelbagai sumbangan barangan kepada Rumah Sri Kenangan. Antara barangan yang telah disumbangkan oleh Kelab PDNP termasuklah dua buah kerusi roda, 40 unit tongkat aluminium dan rotan, pakaian, kasut, tuala pakai buang dan makanan. Sumbangan disampaikan oleh Naib Presiden Kelab kepada Penguasa Rumah Sri Kenangan, Puan Naura binti Ibrahim. Menurut Puan Naura sumbangan ini amat bermakna kepada penghuni terutamanya sumbangan kerusi roda dan tongkat memandangkan kebanyakan penghuni kurang berupaya berjalan sendiri. Kelab juga turut memberikan sedikit sumbangan wang tunai kepada setiap penghuni rumah tersebut.*



Timbalan Presiden Kelab sedang menyampaikan buah tangan kepada penghuni Rumah Sri Kenangan

Lawatan diketuai oleh Encik Ismail bin Hamad, Naib Presiden Kelab PDNP. Turut serta adalah Pengarah Penguatkuasa Wilayah Persekutuan, Encik Kassim bin Haji Zainal. Ahli-ahli Kelab yang menyertai lawatan ini adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan daripada Ibu Pejabat Kementerian,



SESI RAMAH MESRA..... Ahli rombongan bersama-sama penghuni Rumah Sri Kenangan

MESYUARAT AGUNG KELAB PDNP KALI KE LAPAN

Lebih 250 warga Kementerian telah memenuhi Dewan Theatre, Tingkat 25, Putra Place bagi menghadiri Mesyuarat Agung Kelab Kelab PDNP. Mesyuarat diadakan pada 23 Julai 1999 dan dirasmikan oleh Dato' Pahamin A. Rajab, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Penaung Kelab PDNP.

Dalam ucapan perasmian mesyuarat tersebut Y.Bhg. Dato' KSU antara lain menyentuh mengenai sejarah kewujudan kelab-kelab sosial dan juga kepentingan menyertai kelab-kelab sosial di tempat kerja masing-masing. Menurut beliau penyertaan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kelab-kelab

menyeru supaya semua warga Kementerian bersama-sama menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab PDNP.

Mesyuarat Agung Kali Kelapan Kelab PDNP kali ini tidak melibatkan pemilihan Ahli Jawatankuasa (AJK). Walau bagaimanapun, sambutan yang ditunjukkan dengan kehadiran



Y.Bhg. Dato' KSU sedang menyampaikan ucapan perasmian mesyuarat



Y.Bhg. Dato' KSU bersama Dato' Pengarah Penguatkuasa dan Y.M. Presiden Kelab

ramai ahli sangatlah menggalakkan. Selain membentangkan laporan kewangan dan laporan aktiviti kelab, mesyuarat kali ini juga turut meluluskan sebulat suara pindaan Perlembagaan Kelab PDNP. Antara perkara utama pindaan ini ialah memperuntukkan secara jelas bahawa Ketua Setiausaha Kementerian adalah secara automatik dilantik sebagai Penaung Kelab PDNP, jawatan Setiausaha dan Bendahari dilantik oleh Presiden manakala perlantikan lima AJK adalah dicalonkan secara am dan tidak atas jawatan Pengerusi untuk biro-biro tertentu. Jawatan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan sendiri. Rasional pindaan ini adalah untuk memudahkan perjalanan dan kelicinan pengurusan kelab.

Presiden Kelab, Y.M. Raja Ismail bin Dato' Raja Mohamed dalam ucapan penangguhan mesyuarat telah menyeru kepada semua ahli Kelab untuk sama-sama memajukan lagi Kelab PDNP. Selain menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab, ahli-ahli diseru untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang bersesuaian kepada Jawatankuasa Pengurusan Kelab. Cadangan ini bolehlah disalurkan terus kepada Presiden ataupun melalui wakil-wakil Bahagian masing-masing.

Satu acara cabutan bertuah yang diadakan pada akhir mesyuarat telah memeriahkan lagi suasana pada hari tersebut. Lebih 40 hadiah cabutan bertuah disediakan. Hadiah-hadiah cabutan bertuah telah disampaikan oleh Y.M. Raja Ismail, Presiden Kelab PDNP. *

sebegini sangat penting bagi mengurangkan tekanan kerja seharian di pejabat. Aktiviti yang dianjurkan oleh kelab-kelab juga akan dapat merapatkan lagi perhubungan sesama ahli organisasi. Seterusnya Y.Bhg. Dato' KSU berharap kelab ini boleh menjadi satu 'vehicle' untuk merapatkan perhubungan antara sektor awam dengan swasta. Contohnya kelab boleh bekerjasama dengan pihak swasta untuk menganjurkan kejoohan sukan dan sebagainya. Pada akhir ucapan, beliau



PENUH... Sebahagian daripada ahli Kelab yang hadir